

RABU, 24 JUN, 1981

SEREMBAN, Selasa — Tiga puluh orang qari dan qariah memperdengarkan bacaan mereka di Musabaqah Membaca Quran Peringkat Kebangsaan selama tiga malam berturut-turut di Stadium Perbandaran di sini.

Di malam pertama tiga qari dan tiga qariah memperdengarkan bacaan masing-masing.

Di malam kedua, seramai 12 peserta menyampaikan bacaan mereka.

Qari-qari yang membaca malam kedua ialah Encik Harun Jaafar (Perak), Encik Abdul Hamid Ismail (Perlis), Haji Mohamed Awang Teh (Trengganu), dan Encik Kassim Askah (Sabah).

Haji Abdul Ghanl Abdullah (Johan menunggu) dan Haji Mohamad Hasri yang

# *30 qari, qariah sampaikan bacaan masing2*

mewakili Wilayah Persekutuan turut memperdengarkan bacaan mereka pada malam tersebut.

Manakala qariah-qariah pula ialah Hajah Aminah Omar (Trengganu), Hajah Umi Kalthum Mohamad (Johor), Cik Ramiah Pelanchol (Sarawak) dan Puan Alinsam Datuk Haji Zaman (Sabah).

Turut memperdengarkan bacaan

mereka ialah Puan Siti Rohani Haji Daud (Pulau Pinang) dan Puan Ngasipah Isnin sebagai wakil tuanrumah.

Pada malam keempat dan malam terakhir, tidak ada pertandingan dijalankan kecuali acara kemuncak penyampaian hadiah kepada peserta-peserta.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Rais Yatim dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk

Seri Dr. Mahathir Mohamed akan turut hadir.

Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn tiba pada pukul 8.45 malam disambut dengan arakan kompang dan bunga manggar hingga di pertas orang kenamaan.

Dua kumpulan nasyid menyampaikan dua buah nasyid, sementara Pasukan Pancaragam Polis Diraja Malaysia memainkan lagu Hermat Menteri.